

06 NOV 2002

LEAD Downer-Geledah/I

TINDAKAN GELEDAH ADALAH WAJAR, KATA MENTERI LUAR AUSTRALIA

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Australia sekali lagi mempertahankan tindakan agensi keselamatan negara itu mengeledah rumah-rumah orang Islam Australia yang dipercayai terlibat dengan Jemaah Islamiyah (JI), menegaskan bahawa ia bagi memastikan keselamatan 19.5 juta penduduknya.

Menteri Luarnya Alexander Downer mempertahankan tindakan itu dalam satu temubual dengan Radio ABC sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Australia tidak selamat bagi orang Islam.

Downer berkata tindakan itu yang dilakukan sejak beberapa minggu lepas dibuat ekoran JI telah disenaraikan sebagai pertubuhan pengganas oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Beliau menyatakan bahawa Malaysia turut menyokong penyenaian JI dalam PBB sebagai sebuah pertubuhan pengganas dan mengakui hakikat bahawa Kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan tegas terhadap JI mengikut Akta Keselamatan Dalam Negerinya.

"Jadi apa yang dilakukan oleh Australia adalah bagi memastikan 19.5 juta penduduknya selamat," katanya. Transkrip temubual itu dihantar ke Ibu Pejabat Bernama oleh Suruhanjaya Tinggi Australia di sini.

Semalam, semasa menjawab satu soalan pada sidang media pada akhir Sidang Kemuncak Asean Ke-8 di Phnom Penh, Kemboja, Dr Mahathir berkata pada ketika ini, Australia juga tidak selamat bagi orang Islam kerana kemungkinan rumah mereka akan digeledah.

Polis Persekutuan Australia (AFP) dan Pertubuhan Perisikan Keselamatan Australia (ASIO) telah menjalankan tindakan mengeledah itu di Perth, Sydney dan Melbourne sejak beberapa minggu lepas.

Rumah yang digeledah itu termasuk rumah warganegara Indonesia yang dipercayai mempunyai hubungan dengan JI, yang telah menimbulkan bantahan dan kemarahan di Indonesia.

Australia juga telah mengeluarkan amaran perjalanan kepada rakyatnya untuk tidak melawat ke negara-negara di rantau ini ekoran kejadian letupan bom 12 Okt di Bali.

"Kami tidak boleh beritahu bahawa kami tidak mepedulikan maklumat yang kami ada mengenai kemungkinan serangan pengganas, termasuk terhadap orang Barat dan Australia, dan dalam masa yang sama memastikan bahawa tiada sesiapa di seluruh Asia Tenggara kecewa dengan amaran perjalanan kami," kata Downer.

"Dan bayangkan akibatnya sekiranya kami cuai dalam menjalankan tugas kami dan hanya memutuskan untuk memberitahu orang ramai mengenai bahayanya. Maksud saya kita terpaksa terima hakikat itu," katanya.

Ditanya oleh wartawan ABC itu adakah pendirian semasa Australia itu yang telah menyebabkan ASEAN menolak Australia sebagai rakan dialog bagi mesyuarat dua pihak, Downer berkata Asean tidak menolak Australia, dan malahan Dr Mahathir telah menyatakan demikian (dalam temubual terdahulu dengan ABC).

Menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku di Phnom Penh, beliau berkata terdapat perbincangan konstruktif mengenai cadangan itu, yang dikemukakan oleh tuan rumah Kemboja dan tiada siapa membantah cadangan itu.

"Saya fikir cadangan bagi Perdana Menteri kita mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin ASEAN secara kolektif dengan lebih kerap adalah idea yang baik, dan saya gembira kerana terdapat reaksi positif terhadapnya, langsung tiada reaksi negatif terhadap idea itu. Dan malahan Dr Mahathir turut menyatakan demikian," katanya.

-- BERNAMA  
AZH AHH AAM RHM